

PM menyimpan setia UM - 9 DEC 2001 Tabung Haji

PUTRAJAYA, 8 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah antara pendeposit setia Tabung Haji sejak sekian lama.

Langkah beliau menabung melalui skim potongan gaji, secara tidak langsung memperlihatkan keyakinannya yang tinggi terhadap keutuhan Tabung Haji.

Dr. Mahathir menerima buku akaun pelaburannya yang disampaikan oleh Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood dalam satu majlis ringkas di sini, hari ini.

Beliau merupakan antara 1.74 juta pendeposit yang memiliki buku akaun sejak kempen menggunakan buku akaun dilancarkan Mei lalu.

Zainol ketika ditemui pemberita berkata, langkah Perdana Menteri yang terus menyimpan dengan Tabung Haji boleh dijadikan teladan oleh umat Islam yang lain.

Beliau adalah di antara 4.8 juta pendeposit Tabung Haji, institusi yang kini mengendalikan tabungan berjumlah kira-kira RM10.1 bilion.

Sebagai sebuah institusi tabungan, Tabung Haji juga kini mengorak langkah untuk menguatkuasakan penggunaan buku akaun simpanan mulai tahun depan.